

**KEBERKESANAN PROGRAM BANTUAN
PEMBANGUNAN PERTANIAN DI KAWASAN
ASAJAYA, SAMARAHAN**

OLEH

FAUZIE BIN MOHAMAD 97348038

FAIZAL AMIN BIN PHARO 97347989

**“Kertas kerja ini dikemukakan bagi memenuhi syarat
untuk mendapat Diploma Pentadbiran Awam”**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN SARAWAK**

SEPTEMBER 2001

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Penghargaan	i
Abstrak	ii-iii
Senarai jadual	iv
Senarai rajah	v
Senarai singkatan	vi
Bab 1 Latar belakang kajian	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyata kajian	2
1.3 Matlamat kajian	3
1.4 Batasan kajian	3-4
1.5 Kepentingan kajian	4
1.6 Hipotesis	5
1.7 Permasalahan kajian	5-8
1.8 Susunan bab	8-9
1.9 Methodologi	9-11
1.10 Tinjauan literature	11-13
Bab 2 Latar belakang kawasan kajian	
2.1 Pengenalan	14-16
2.2 Jabatan Pertanian Samarahan	17-21
Bab 3 Program Bantuan Pertanian	
3.1 Pengenalan	22-23
3.2 Pembangunan tanaman	23-24
3.3 Strategi Program Pembangunan Tanaman	24-26
3.4 Skim subsidi	27-30
Bab 4 Data analisis	
Hasil analisis	31-40
Bab 5 Masalah, cadangan dan rumusan	
5.1 Pengenalan	41
5.2 Masalah	41-43
5.3 Cadangan	43-45
5.4 Rumusan	45-46

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkisar tentang Keberkesanan Program Bantuan Pertanian di kawasan Asajaya, Samaraham. Kajian kami meliputi 3 buah kampung iaitu Kampung Sambir, Kampung Serpan dan Kampung Asajaya. Secara ringkasnya, hasil dari pemerhatian dan kajian yang dijalankan, kami mendapati ketiga-tiga buah kampung yang menjadi kajian ini merupakan di antara kampung yang menerima bantuan pertanian serta subsidi yang diberikan oleh Jabatan Pertanian di kawasan terbabit. Kampung-kampung ini juga merupakan di antara salah sebuah kampung yang boleh diiktiraf sebagai berjaya di dalam program bantuan pertanian yang dianjurkan. Namun begitu, kami mendapati kebanyakan program pertanian hanya mendapat tempat di hati penduduk setempat hanya pada peringkat awal sahaja, selepas itu terpulanglah kepada petani terbabit untuk meneruskan usaha mereka.

Kajian ini juga menyelidiki tentang bantuan yang diberikan oleh Jabatan Pertanian kepada para petani. Turut dikaji ialah mengenai jenis-jenis bantuan pertanian yang diberikan samada ianya dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan para petani. Pihak kami juga akan mengkaji mengenai respons para petani terhadap bantuan pertanian yang diberikan dan pandangan mereka mengenai keberkesanan bantuan pertanian terhadap mereka.

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pengenalan

Pertanian merupakan aktiviti yang bersangkut paut dengan tanah samada secara langsung atau tidak langsung iaitu merangkumi bidang perikanan, tanaman dan ternakan. Sektor pertanian telah menyumbang kepada 182.4 tan metrik pengeluaran pertanian bagi tahun 1998.

Kawasan Kota Samarahan mempunyai kawasan seluas 4,961.4 kilometer persegi, ia berpecah kepada tiga kawasan utama iaitu Samarahan, Serian dan akhir sekali Simunjan. Samarahan mempunyai penduduk seramai 46,583 orang yang mana rata-rata penduduk ini terbabit dengan pertanian. Kawasan kajian ini ditumpukan di kawasan Asajaya yang merupakan sebahagian daripada Kota Samarahan.

Sekitar tahun 1980'an, Asajaya merupakan sebahagian daripada kawasan Samarahan. Pada asalnya ia dikenali sebagai "Nonok" bagi penduduk setempat. Kawasan Asajaya mempunyai beberapa buah kampung yang menjalankan bidang pertanian dengan giatnya, seperti Kampung Sambir, Kampung Serpan dan Kampung Asajaya. Dengan adanya bantuan dan subsidi dari Jabatan Pertanian, hasil pengeluaran telah meningkat dari semasa ke semasa dan membantu pendapatan petani di kawasan tersebut.

BAB 2

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Kajian ini telah dijalankan di kawasan Asajaya. Tiga buah kampung daripada 19 buah kampung yang terdapat di Asajaya telah dipilih sebagai kawasan kajian kami atas sebab ketiga-tiga buah kampung ini menerima bantuan yang diberikan oleh Jabatan Pertanian. Setiap kampung mempunyai latar belakangnya yang tersendiri. Maklumat mengenai latar belakang kampung ini diperolehi daripada orang kampung tersebut.

(a) Kampung Sambir

Kampung Sambir merupakan sebuah perkampungan yang berdasarkan pertanian sebagai sumber pendapatan utama penduduknya. Ia terletak sejauh 35 kilometer dari Kuching. Penduduk di sini berjumlah kira-kira 1,400 orang, yang mana 80 peratusnya terlibat dalam pertanian. Penghulu bagi Kampung Sambir ialah Temenggung Haji Bolhasan bin Bongom. Dahulunya kampung ini dikenali sebagai Kampung Pandang Sari. Ini adalah kerana di situ terdapat pantai yang cantik dan luas mata memandang. Pada masa itu, sungai merupakan jalan pengangkutan yang paling penting sebelum jalan raya dibina pada tahun 1980-an. Namun kini, pantai tersebut telah berubah menjadi lumpur, ini adalah disebabkan oleh pembinaan barn yang telah menghalang kelancaran sungai tersebut mengalir, lalu mendakan terkumpul di pantai tersebut, dan hasilnya pantai tersebut kini sudah kaya dengan “ambal”, sejenis makanan laut yang amat popular di